



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai  
dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT II (D.1-2 EB.3)  
JABATAN KAJICUACA  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT II  
JABATAN KAJICUACA  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
D.1-2 EB.3 (\$530 - \$1,125 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei *Cambridge* Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kajicuaca dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melapor diri kepada Ketua Bahagian atau stesen tempat bertugas;
2. Membuat pencerapan permukaan dan udara atas;
3. Mengekod dan mendekod maklumat cuaca;
4. Memplot maklumat di carta-carta yang disediakan;
5. Menghantar maklumat cuaca untuk kegunaan Pegawai Kajicuaca, Juruterbang, orang ramai dan pihak yang memerlukan;



6. Menyampaikan ramalan cuaca dan data cuaca kepada pihak pengguna secara lisan;
7. Memasukkan data-data kaji cuaca dan data cuaca kepada pihak pengguna secara lisan; dan
8. Membantu Pemerhati Kajicuaca Tingkat I mengutip data-data turunan hujan atau kaji cuaca pertanian di seluruh Negara.